

Penggunaan *Display Light Board* (DLB) Dalam Meningkatkan Kemahiran Teknik Melukis Bentuk Geometri Secara '*Still Life*'

Siti Mariah Mazan, Che Aleha Ladin

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

cty.myra@yahoo.com

chealeha@um.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan - Display Light Board menggabungkan unsur cahaya dan latar belakang putih untuk menimbulkan kesan cahaya dinamik dan dramatik kepada bentuk-bentuk geometri yang diletakkan di atasnya. Inovasi ini dilakukan kerana murid didapati sukar melukis bentuk objek khususnya bentuk geometri dan tidak dapat menentukan arah cahaya dan saiz bayang yang tepat semasa melukis.

Objektif – Kajian ini bertujuan untuk mengkaji penggunaan display light board (DLB) dalam meningkatkan kemahiran teknik melukis bentuk geometri secara '*still life*'.

Methodologi – Kajian ini melibatkan 10 orang murid aliran seni Tingkatan 4. Kajian secara kualitatif dijalankan dengan kaedah temubual, ujian pra, pelaksanaan intervensi menggunakan instrument Model DLB dan ujian pos. Penggunaan model DLB sebagai satu kaedah inovasi dengan menyalakan lampu kearah bentuk-bentuk geometri yang diletakkan diatas papan, sehingga terhasil kesan cahaya dan bayang yang dapat dijadikan panduan kepada murid untuk melukis bentuk yang efektif.

Dapatan – Model inovasi DLB digunakan agar murid lebih faham dan dapat melihat gambaran sebenar bentuk geometri bersama kesan cahaya dan bayang yang tepat. Di samping mempraktikkan teknik melukis, aspek keseimbangan, kadar banding, ton, bayang dan kesan pencahayaan yang betul juga diaplikasikan bersama semasa menghasilkan karya. Hasil inovasi ini menunjukkan 100% murid mudah melihat dan faham arah cahaya serta bentuk bayang yang terhasil daripada cahaya lampu yang dipasang. Murid lebih yakin kerana dapat melihat bentuk objek, bayang dan cahaya sebenar. 90 % daripada mereka dapat melukis objek dengan baik dengan mengenalpasti kedudukan bayang yang tepat pada objek.

Kepentingan – Kajian ini dapat digunakan oleh para guru sebagai pendedahan kepada murid untuk mudah memahami konsep melukis objek dengan tepat, memudahkan murid melihat, memahami konsep secara autentik, meneliti kesan cahaya dan bayang dengan jelas dan dapat melukis bentuk maujud secara '*still life*'. Kajian ini juga penting untuk menambah kreativiti serta mengetengahkan idea guru dalam meningkatkan penghasilan inovasi. Di samping itu, kemahiran melukis murid dapat ditingkatkan selari dengan keputusan peperiksaannya kelak.


Kata Kunci: *Display Light Board*, cahaya, bayang, lukisan bentuk geometri

Pengenalan

Inovasi merupakan satu tindakan atau proses ke arah perubahan, pengubahsuaian dan transformasi. Ia dilakukan dengan langkah-langkah baharu, kaedah baharu, pemodenan sehingga wujud sesuatu yang baharu. Kewujudan itu berdasar kepada kreativiti, keaslian, kepintaran, inspirasi dan daya cipta. Sama ada pembaharuan itu dalam aspek kaedah, idea, produk dan sebagainya (Siti Hayati & Abdul Halim, 2019). Dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual, inovasi boleh dibuat bagi menarik minat murid, mempercepatkan kefahaman dan meningkatkan kemahiran dalam teknik melukis. Melukis didefinisikan sebagai membuat gambar, peta dan sebagainya dengan menggunakan media kering. Melukis juga merupakan salah satu aktiviti untuk menggambar (Azman bin Jusoh, 2016). Lukisan juga melibatkan kerja yang sistematik iaitu memasukkan elemen seperti ton, jalinan, pencahayaan dan perspektif serta komposisi (Angela Gair, 1996). Display Light Board menggabungkan unsur cahaya dan latar belakang putih untuk menimbulkan kesan dramatik kepada bentuk-bentuk geometri yang diletakkan di atasnya. Dalam proses melukis, kebanyakan murid menghadapi masalah melukis bentuk, aplikasi cahaya dan bayang pada objek. Inovasi ini dibuat dengan meletakkan beberapa objek atau model bentuk-bentuk asas di atasnya, maka terhasil elemen cahaya melalui lampu yang dipancarkan ditepinya. Murid-murid akan dapat melihat kedudukan cahaya dan bayang yang tepat dengan lebih jelas. Inovasi ini dicipta dengan objektif tertentu seperti mewujudkan budaya penyelidikan dan pembangunan di kalangan guru untuk meningkatkan kualiti pdpc, menyemai budaya inovasi di kalangan guru, merekabentuk alat yang memudahkan murid melihat, memahami, dan meneliti kesan cahaya dan bayang dengan jelas dan dapat melukis bentuk maujud secara 'still life' dan menarik minat murid lelaki yang kurang suka subjek Pendidikan Seni Visual agar pdpc menjadi lebih eksklusif dan menarik.

Sorotan Kajian literature

Sebuah kajian telah dijalankan terhadap kanak-kanak oleh Feher & Rice (1988) mengenai lukisan dan bayangan. Kajian ini dibuat melalui eksperimen meletakkan bola pelbagai saiz dihadapan cahaya lampu yang dinyalakan. Hasilnya kanak-kanak itu mulai kenal bayangan dengan rupa yang terhasil daripada kesan objek yang terlindung daripada cahaya tersebut. Seterusnya hasil daripada ujian dan temubual tadi, kanak-kanak ini telah memberikan jawapan iaitu bayangan terbentuk ketika cahaya bertindak pada objek, ketika cahaya "pantulan dihidupkan", "bersinar" atau "memukul" objek, bayangan adalah "refleksi" dan bayangan adalah "gambar" iaitu gambar yang bentuknya sama dan terlihat seperti objek. Disini beliau telah menggambarkan betapa pentingnya usaha perlu dilakukan untuk membuat murid faham dengan mudah mengenai kedudukan dan rupa cahaya dan bayang dalam lukisan sesuatu objek.



Sumber foto : panitiapsv.blogspot.com

Menurut Syaza Amalin et. al (2005) melalui Pendidikan Seni, murid dapat belajar, mengalami, dan meningkatkan kualiti kehidupan mereka. Oleh hal yang demikian, dalam meningkatkan kemahiran dan kreativiti murid-murid khususnya dalam kemahiran melukis, guru harus berfikiran terbuka dan lebih kreatif dalam penggunaan bahan bantu mengajar. Sebagai contoh, melalui penggunaan bahan maujud seperti Model DLB ini dapat membantu memperkukuhkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran serta meningkatkan lagi kreativiti murid dalam penghasilan karya.

Dalam melukis, aspek seperti unsur seni dan prinsip rekaan amat ditekankan agar karya yang dihasilkan kelihatan sempurna. Menurut Badrul et al. (2014), konsep-konsep formal untuk menganalisa hasil kerja/karya seni terbahagi kepada dua, iaitu terhadap elemen seni dan prinsip rekaan. Terdapat beberapa elemen seni dan prinsip rekaan yang digunakan artis untuk menghasilkan karya seni, antaranya adalah garisan, warna, bentuk, rupa, penekanan,imbangan, pengulangan, dan lain-lain.

Metodologi

Kajian ini berbentuk kajian kes iaitu sebuah kelas Tingkatan Empat aliran seni di sebuah sekolah menengah dalam Negeri Sembilan. Sampel kajian seramai 10 orang merupakan murid yang sangat lemah dalam melukis. Penyelidik menggunakan kaedah pemerhatian pengajaran, temu bual dan analisis dokumen (Patton, 1990). Penggunaan Model DLB dibuat melalui ujian pra dan pos, pemerhatian, perekodan foto dan dokumen seperti hasil karya murid. Kajian ini melibatkan dua peringkat pelaksanaan iaitu proses membina DLB dan langkah melukis cahaya dan bayang seperti berikut:

1. Membina DLB



Besi drawer
untuk
melaraskan
board

Bentuk
geometri

Whiteboard
lama



Papan
whiteboard

Wayar biru
dan hitam

cabl

Suis 4 gang

Flexible
hose electric

Untuk membina Model DLB, beberapa peralatan diperlukan seperti papan whiteboard terpakai, wayar biru hitam dan cable untuk mengalirkan arus elektrik, suis 4 gang untuk 4 buahlampu LED, flexible hose electric yang melindungi wayar lampu dan boleh dilaras mengikut arah cahaya yang disukai, besi drawer untuk melaraskan ketinggian board dan bentuk-bentuk geometri.

2. Langkah pelaksanaan aktiviti melukis cahaya dan bayang.

Proses pelaksanaan Inovasi DLB menggunakan tiga langkah utama seperti rajah 2 . Sebelum penggunaan DLB, murid akan diperkenalkan terlebih dahulu teknik garisan selari (*hatching*), silang pangkah (*crosshatching line*), titik-titik (*pointilize*) dan beberapa teknik melukis lain untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melukis mereka. Eksperimen menentukan cahaya dan bayang yang terhasil daripada bentuk-bentuk dalam model DLB akan dilaksanakan. Rajah dibawah menunjukkan langkah pelaksanaan projek dalam penggunaan Model DLB.

Langkah 1

- Guru memetik suis lampu dan mengarahkan cahaya dari sebelah atas kiri Model DLB.
- Guru mengajarkan teknik ukuran kadar banding objek maujud dalam Model DLB menggunakan pensil sebagai kayu pengukurnya.
- Guru menunjukkan satu contoh lakaran yang sempurna dengan teknik lorekan, ton, cahaya dan bayang. Gambar lakaran ini perlu sebagai pendorong untuk murid melorek kesan cahaya dan bayang pada karya mereka nanti.
- Guru membuat demonstrasi ukuran kadar banding bentuk dan terus melukis bentuk-bentuk ini di atas kertas. Teknik lorekan juga diajar.
- Setelah itu, murid dikehendaki melukis secara '*still life*' bentuk-bentuk geometri tadi pada kertas dengan mengaplikasikan teknik garisan selari.

Langkah 2

- Guru menyalakan lampu menthol dari atas kanan board.
- Guru menunjukkan satu contoh lakaran yang sempurna dengan teknik lorekan, ton, cahaya dan bayang. Gambar lakaran ini perlu sebagai pendorong untuk murid melorek kesan cahaya dan bayang pada karya mereka nanti.
- Setelah itu, murid dikehendaki melukis secara '*still life*' bentuk-bentuk geometri tadi pada kertas dengan mengaplikasikan teknik garisan silang pangkah.

Langkah 3

- Guru menyalakan lampu menthol dari atas kiri board.
- Guru menunjukkan satu contoh lakaran yang sempurna dengan teknik lorekan, ton, cahaya dan bayang. Gambar lakaran ini perlu sebagai pendorong untuk murid melorek kesan cahaya dan bayang pada karya mereka nanti.
- Setelah itu, murid dikehendaki melukis secara '*still life*' bentuk-bentuk geometri tadi pada kertas dengan mengaplikasikan teknik garisan silang pangkah.

CARA MENGGUNAKAN ALAT INOVASI

a) Model DLB I



- i) Cahaya lampu dinyalakan dari arah yang disukai.
- ii) Teknik ukuran kadar banding dan garis selari ditunjukkan kepada murid.



- iii) Kesan dari cahaya yang dipancarkan telah memberi kesan cahaya dan bayang pada objek geometri.



- iii) Murid boleh terus melakar bentuk, dan menandakan arah cahaya dan rupa bayang pada kertas lukisan.
- iv) Murid menyiapkan lorekan mengikut teknik garisan yang diajarkan seperti garisan selari, crosshatching line dan pointilize.



- v) Hasil karya murid-murid setelah menggunakan Model DLB.

b) Model DLB II



i) Lampu dipancarkan dari sebelah kanan objek dan kelihatan bayang jatuh di sebelah kiri.



ii) Lampu dipancarkan dari sebelah kiri objek dan kelihatan bayang jatuh di sebelah kanan.



Dapatan


Pada peringkat awal pelaksanaan, hanya tiga bentuk sahaja dilukis agar murid dapat fokus kepada teknik melukis yang tepat. Murid pada mulanya takut untuk melukis kerana mereka takut salah. Guru memberikan kata-kata semangat agar murid berkeyakinan untuk melukis secara '*still life*'. Setelah itu, barulah muncul lakaran bentuk asas yang berbagai rupa. Hasil aktiviti pertama, seramai 5 daripada 10 murid dapat membuat ton, cahaya dan bayang pada lukisan bentuk mereka namun penguasaan tekniknya masih lemah.

Latih tubi peringkat ke dua diberikan kepada murid. Murid didapati lebih yakin untuk melukis dan sudah tahu perkara-perkara penting yang perlu dilakukan untuk melukis. Dalam aktiviti kali ini, telah muncul lakaran-lakaran bentuk asas yang lebih baik dari sebelumnya. Murid lebih faham kaedah membuat ton dan bayang menggunakan teknik *crosshatching line* pada lukisan mereka.. Hasil aktiviti ke dua mendapati seramai 8 daripada 10 orang murid dapat membuat ton, cahaya dan bayang yang tepat pada lukisan bentuk mereka dan penguasaan teknik melukisnya telah meningkat daripada lemah kepada tahap sederhana. Murid lebih faham dan dapat melihat gambaran sebenar bentuk geometri bersama kesan cahaya dan bayang yang tepat. Di samping mempraktikkan teknik melukis, aspek keseimbangan, kadar banding, ton, bayang dan kesan pencahayaan yang betul juga diaplikasikan bersama semasa menghasilkan karya.

Seterusnya latih tubi ke tiga diperkenalkan. Kajian mendapati bentuk lukisan lebih baik daripada sebelum ini. Murid berjaya menghasilkan ton dengan teknik *pointilize*. Hasil latih tubi yang dijalankan, seramai 9 daripada 10 orang murid dapat membuat ton, cahaya dan bayang yang tepat pada lukisan bentuk mereka dan penguasaan teknik melukisnya telah meningkat dengan baik. Murid lebih yakin kerana dapat melihat bentuk objek, bayang dan cahaya sebenar. 90 % daripada mereka dapat melukis objek dengan baik dengan mengenalpasti kedudukan bayang yang tepat pada objek. Secara keseluruhannya, hasil inovasi ini menunjukkan 100% murid memahami arah cahaya serta bentuk bayang yang terhasil daripada cahaya lampu yang dipasang.

DAPATAN PENCAPAIAN MURID DAN HASIL KARYA AKHIR





Perbincangan

Model DLB yang dibina menggunakan bahan-bahan terpakai dan beberapa bahan yang baru untuk murid-murid. Kaedah ini sesuai dan dapat menarik minat murid bagi menguasai teknik melukis. Hasil Kajian ini telah menunjukkan perkembangan motor halus dan teknik melukis seperti garisan selari, *crosshatching line* dan *pointilize* dapat dikuasai dengan baik. Mereka telah dapat melukis berdasarkan bentuk-bentuk asas yang disusun pada model.

Penghasilan inovasi model DLB merupakan salah satu penyelidikan yang mampu memberi sumbangan dalam pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Seni Visual. Dapatan ini sejajar dengan Miles (1965) dalam Yahya dan Lailinanita (2012) , terdapat banyak peluang bagi seseorang guru untuk melaksanakan inovasi. Justeru, beliau mencadangkan, untuk mencapai satu dasar sistem perubahan, sesuatu organisasi itu perlulah memiliki tujuh elemen utama bagi memperolehi satu organisasi yang sihat. Elemen-elemen itu ialah matlamat yang jelas, kelengkapan komunikasi, kelengkapan untuk menyelesaikan masalah, kesamarataan kuasa maksima iaitu antara pentadbir (pengetua) dan guru, kerjasama guru, semangat guru yang tinggi serta guru-guru yang mempunyai ciri-ciri kreatif dan inovatif dalam menjalankan tugas. Bagi mencapai hasrat negara untuk membangunkan generasi yang mempunyai kemahiran abad ke-21, seseorang guru juga perlu menguasai pelbagai bidang mengikuti perkembangan tentang dasar dan isu pendidikan, mahir dalam pedagogi (pengajaran dan pembelajaran), menggunakan media teknologi terkini dan menerapkan nilai-nilai murni bagi tujuan pembentukan akhlak dan

sahsiah yang baik (Siti Hayati & Abdul Halim, 2019). Ciri-ciri kreativiti dan inovasi ini adalah kriteria yang penting diperlukan dalam mewujudkan budaya penyelidikan dan pembangunan untuk meningkatkan kualiti Pdpc.

Kajian ini dapat membantu kepada menyemai budaya inovasi dalam kalangan guru. Menurut Feher & Rice (1988) dalam usaha meningkatkan pengetahuan mengenai model yang universal dalam pemikiran anak-anak, kita menjadi lebih berkemampuan untuk menangani persoalan pembelajaran iaitu bagaimana kita dapat mendorong serta mempercepat perubahan dalam pemahaman mereka. Nyatanya disini beliau amat menggalakkan para guru berfikir mencari penyelesaian bagi memudahkan murid cepat faham apa yang disampaikan. Oleh sebab itu perlunya inovasi dihasilkan untuk merealisasikan perubahan tersebut. Dengan terhasilnya model DLB ini maka bertambahlah satu lagi ciptaan inovasi di kalangan guru disamping dapat menerapkan pembudayaan inovasi dalam Pdpc di sekolah.

Kajian ini memberi kesan kepada pencapaian murid kerana melibatkan aktiviti autentik kepada mereka. Mereka dapat melihat, memahami, dan meneliti kesan cahaya dan bayang dengan jelas dan dapat melukis bentuk maujud secara 'still life'. Keadaan ini dapat mengubah persepsi murid tentang kesukaran memmuridi seni kerana tiadanya kefahaman dan kemahiran sejajar dengan persoalan yang dikemukakan oleh Soffie Balqis Bernard Abdullah (2013) iaitu tanggapan bahawa mata muridan Pendidikan Seni Visual kurang menarik, kurang berfaedah dan tidak penting. Oleh itu untuk menjadikan Pdpc Pendidikan Seni Visual sesuatu yang menarik untuk dimuridi sewajarnya inovasi dibuat untuk membentuk suatu alat yang mampu membuat murid tertarik, lebih fokus, cepat faham isi kandungan dan objektif yang perlu dicapai. Siti Hayati & Abdul Halim (2019) berpendapat guru perlu menghubungkan murid dengan dunia sebenar dan bukan lagi terikat dengan silibus yang perlu dihabiskan mengikut masa yang telah ditetapkan. Pengubahsuaian perlu dalam menerapkan nilai kerohanian yang murni dengan membina kemahiran, pengetahuan, keyakinan diri dan efikasi sendiri melalui inkuiri. Dalam kajian ini, inovasi dilaksanakan bagi memudahkan murid lebih memahami objek maujud di hadapan mata mereka. Pembelajaran bercorak autentik menjadi lebih menyeronokkan di samping dapat mencabar diri mereka melukis secara *still life*.

Salah satu dapatan inovasi ini ialah menarik minat murid lelaki melibatkan diri dalam Pendidikan Seni Visual supaya dapat meningkatkan pencapaian mereka dalam Seni. Ini kerana dalam kajian Woon Yoke Lan (2015) mendapati peratusan responden perempuan mencapai tahap lulus yang lebih tinggi 1.98% daripada lelaki dan semakin menurun ke arah tahap cemerlang dalam penilaian Kertas 1. Penghasilan alat inovasi ini banyak membantu meningkatkan minat dan fokus murid lelaki dalam subjek Pendidikan Seni Visual kerana pembelajaran lebih bersifat realistik dan autentik.

Penutup

Projek inovasi *Display Light Board* direka bentuk untuk membantu memudahkan murid menentukan arah cahaya dan bayang yang tepat ketika melorek ton pada lukisan bentuk. Aktiviti yang dijalankan secara berulang pula dapat memperbaiki kemahiran teknik melukis yang sebelum ini lemah. Pembelajaran secara "*authentic learning*" dan *still life*

akan memberi pengalaman baru khususnya kepada murid lelaki yang memang jarang meminati bidang seni halus. Kemahiran teknik yang betul dapat menyumbang kepada peningkatan keputusan peperiksaan kelak. Diharapkan juga dengan penghasilan inovasi ini dapat membantu meningkatkan pencapaian SPM khususnya bagi subjek Pendidikan Seni Visual ke peringkat lebih cemerlang.

Kesimpulannya, pelaksanaan inovasi ini berperanan meningkatkan kualiti dan kreativiti guru dalam pdpc secara efektif dalam meningkatkan kefahaman dan pencapaian murid. Justeru, kajian seterusnya perlu dilakukan untuk menggalakkan penghasilan bahan inovasi lain yang lebih efektif samada alat, modul atau apps yang lebih kepada penggunaan gadget untuk meningkatkan penguasaan melukis murid.

Rujukan

- Angela Gair. (1996). *The Drawing and Painting Course: A Step-by-Step Introduction to Drawing, Watercolour and Oil Painting*. Abbeydale Press.
- Azman bin Jusoh. (2016). *Sikap Murid Terhadap Fizik Di Sekolah Kawasan Felda*. Maktab Perguruan Sultan Abdul Halim, Sungai Petani, Kedah.
- Badrul, A., Muhamad, F. R., Mohd Effendi, M. S., Shuaib, & Norshah, A. (2014). Sejarah dan apresiasi senilukis dan senireka. *Universiti Malaysia Perlis, November 2015*, 0–38.
- Feher, E., & Rice, K. (1988). Shadows and Anti-Images : Children ' s Conceptions of Light. *Science Education*, 72(5), 637–649.
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods*. Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc, (2nd ed.).
- Siti Hayati, & Abdul Halim. (2019). Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Dalam Pendidikan Seni Visual Ke Arah Pembelajaran Bermakna. *Jurnal IPDA, Bil.26*, 92–104.
- Soffie Balqis Bernard Abdullah. (2013). *Keperluan Penguasaan Kemahiran Pendidikan Seni Visual Sekolah Menengah Untuk Guru-guru Seni di Sarawak*. 1–3. <http://ir.unimas.my/7546/>
- Syaza Amalin et. al. (2005). *Keberkesanan Penggunaan Komposisi OBjek 3 Dimensi Untuk Menggambar Bentuk Melalui Objek Yang Dilihat Dalam Meningkatkan Kemahiran Melukis Murid Tahun 6*. Institut Pendidikan Guru.
- Woon Yoke Lan. (2015). *Perbandingan Tahap Minat, Persepsi dan Tahap Pencapaian Akademik di antara Murid Melayu dan Cina Tingkatan Empat Terhadap Pendidikan Seni Visual di Zon Bangsar Kuala Lumpur*. Retrieved Jun 13, 2017. 31.
- Yahya Buntat & Lailanita Ahamad. (2012). Inovasi Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Kalangan Guru-Guru Teknikal Di Sekolah Menengah Teknik Dari Perspektif Guru. *Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor*, 6, 44–58.